

Upah Haji untuk Ibu

SOALAN

Bagaimana melakukan upah haji? Apakah kewajipan lain untuk saya sebagai anak lelaki lakukan selepas ibu saya meninggal dunia?

JAWAPAN

Apabila seorang itu mati, ada beberapa perkara yang perlu dibuat selain daripada kewajipan menguruskan jenazahnya.

Antaranya adalah membayar hutang si mati kepada Allah seperti hutang puasa, haji, zakat, wasiat, nazar dan lain-lain dan membayar hutangnya kepada orang yang hidup.

Jika si mati meninggalkan harta maka wajib pemegang hartanya membayar hutang Allah dahulu kemudian hutang sesama manusia. Jika si mati tidak meninggalkan harta maka sunat atas warisnya tolong menjelaskan kedua hutang tersebut.

Jika si mati meninggalkan harta dan belum sempat menunaikan haji maka wajib digunakan harta itu bagi mengupah kerja hajinya iaitu waris menggunakan wang itu bagi mengupah seorang yang lain untuk pergi mengerjakan haji bagi pihak si mati . Jika si mati tidak ada harta yang ditinggalkan maka sunat atas para warisnya tolong mengerjakan haji untuknya dengan sukarela.